

# 10

## *Membina Kemampuan Murid Menjana Idea Melalui Rutin Berfikir LFT*

**Safura Mohd Shariff**

safura\_mohd\_shariff@moe.edu.sg

**Juliana Johari**


juliana\_johari@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Qihua

### *Abstrak*

Format Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah yang baharu bagi komponen lisan menuntut murid untuk menyampaikan idea dan pandangan berdasarkan klip video sebagai bahan stimulus. Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran murid menjana idea dan menyampaikannya secara lisan dengan berkesan. Kajian ini menggunakan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya (LFT) yang diketengahkan Ron Ritchhart, Mark Church dan Karin Morrison (2011) bagi membina pemikiran kritikal dalam kalangan murid. Dapatan kajian menunjukkan murid-murid dapat memberikan respons dengan baik bagi peperiksaan akhir tahun sekolah (Prelim) berbanding ujian semester 1 (SA1). Secara keseluruhan, murid-murid dapat menggunakan rutin berfikir LFT untuk mengupas maklumat yang terkandung dalam video dengan lebih baik.

Kata Kunci: interaksi lisan, kemahiran berfikir, idea, kritis



140

Seminar Bahasa Melayu 2018

## PENGENALAN

Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) Tahun 2017 merupakan kali pertama murid-murid Darjah 6 menduduki peperiksaan mengikut format baharu. Terdapat komponen Interaksi Lisan yang disertakan dalam format baharu ini. Perubahan tersebut memerlukan guru untuk mengubah strategi pengajaran untuk membantu murid-murid menyampaikan idea dan pandangan di samping berinteraksi dengan pemeriksa semasa menduduki peperiksaan dengan yakin.

## PERNYATAAN MASALAH

Tuntutan peperiksaan lisan yang baharu memerlukan murid untuk berkongsi maklumat dan pendapat setelah menonton satu klip video. Murid-murid perlu memahami klip video yang ditonton dan membina idea untuk menjawab soalan-soalan yang diajukan pemeriksa.


Meski demikian, guru-guru Sekolah Rendah Qihua berpendapat bahawa prestasi murid-murid masih dihambat pengalaman mereka melalui format peperiksaan lisan yang lalu. Secara khusus, format peperiksaan lisan bagi Darjah 1 hingga 4 menggunakan imejan sebagai stimulus peperiksaan. Murid-murid perlu dilatih untuk berfikir secara kritis semasa menonton video dan membina serta menyampaikan idea yang bernalas sewaktu menjelaskan kandungan klip video tersebut.

Justeru, guru-guru mengubah strategi pengajaran agar lebih efektif dalam melatih pemikiran berstruktur, kritis dan jelas tatkala murid-murid menyampaikan idea.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini seperti berikut:

1. untuk membina keupayaan murid memahami rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dari pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas (MTV) untuk menjana idea dengan lebih berstruktur.
2. untuk membina pemikiran yang lebih kritikal semasa menonton video sebagai bahan stimulus; dan



- meneliti keberkesanan rutin berfikir MTV dalam membina kemampuan berfikir murid.

## KAJIAN LEPAS

*Harvard Graduate School of Education*, telah menjalankan Projek Zero pada tahun 1967 berkaitan pemikiran jelas atau *visible thinking*. Projek ini melihat pelbagai aspek pembelajaran manusia yang melibatkan proses belajar untuk berfikir dan berfikir untuk belajar. Selain itu, pelajar digalakkan melibatkan diri secara aktif dan dapat menyuarakan pandangan tanpa tekanan dalam suasana budaya berfikir di bilik darjah (Ron Ritchhart, Mark Church dan Karin Morrison, 2011).

Nurhiza dan Nurul Hidana (2017) telah menjalankan kajian penggunaan rutin berfikir Nyatakan-Sokong-Soal bagi pengajaran golongan kata. Dapatkan kajian mereka menunjukkan murid dapat memberikan alasan yang baik dalam memberikan jawapan yang tepat.

Khuraisah Mohd Abthar dan Dalamah Massa'id (2017) pula menjalankan kajian dengan menggunakan rutin berfikir bagi membina penguasaan kosa kata murid. Kajian ini menunjukkan murid-murid dapat berfikir secara kritis dan kreatif bagi membina kosa kata mereka.

Jelasnya, rutin berfikir amat berkesan bagi membantu guru membina proses pemikiran pelajar secara berstruktur dan sistematik (Angela K. Salmom, 2008).

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan rutin berfikir dalam pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas (MTV) yang diutarakan oleh Ron Ritchhart et al. (2011). Rutin yang dipilih berada dalam kelompok mengenalkan dan meneroka idea.

### Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 79 orang murid Darjah 6. Murid-murid ini berada pada aras keupayaan sederhana. Murid-murid Darjah 6 ini dipilih sebagai subjek kajian untuk menyediakan mereka bagi peperiksaan lisan PSLE 2017 yang menggunakan format baharu.



## Instrumen Kajian

Rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya (LFT) digunakan sebagai instrumen kajian. Selain itu, guru menggunakan iPod dan alat rakaman audio untuk mengumpulkan respons murid-murid di samping meneliti kemampuan mereka dalam kemahiran lisan. Penggunaan iPod membantu murid-murid memantau dan memperbaik mutu penyampaian mereka. Guru menggunakan rakaman iPod sebagai rujukan untuk meneliti keberkesanan strategi yang digunakan dalam bilik darjah.

Kad Panduan juga disertakan dalam pengajaran. Kad Panduan merupakan garis pandu yang mudah diikuti murid. Kad Panduan ini memastikan murid-murid berfikir secara berstruktur dan mengikut strategi yang diajarkan. Kad Panduan diberikan kepada setiap pasangan murid dalam bilik darjah.

Rubrik penilaian kendiri turut digunakan untuk melihat bagaimana murid-murid menilai pencapaian mereka. Rubrik penilaian ini merupakan usaha menggalakkan sifat bertanggungjawab untuk mempertingkat kemahiran lisan mereka.

## Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan dengan melibatkan sebanyak dua kitaran. Murid didedahkan kepada penggunaan gambar sebelum menggunakan klip video. Hal ini bertujuan untuk memberi penerangan yang jelas tentang perbezaan menggunakan bahan stimulus bentuk gambar dengan klip video. Hasil dapatan kitaran pertama telah diteliti. Penambahbaikan dilakukan bagi kitaran kedua berdasarkan dapatan tersebut. Hasil daripada pemikiran murid-murid yang menggunakan rutin berfikir LFT, rakaman audio dan rubrik penilaian kendiri diteliti untuk melihat keberkesanan dalam membina kemahiran lisan murid berdasarkan klip video sebagai bahan stimulus. Markah ujian semester 1 (SA1) dan peperiksaan akhir tahun (Prelim) diambil sebagai kayu ukur keberkesanan strategi LFT. Hanya markah respons peribadi dan pengembangan idea yang diteliti untuk melihat keupayaan murid memberikan respons mereka. Tuntutan bagi penilaian bahagian ini adalah seperti yang berikut:

1. Murid dapat memberikan idea dengan bantuan yang minimal;
2. Murid mampu memberikan respons yang komprehensif dan dapat mengembangkan idea; dan



3. Murid terlibat dalam perbincangan dan dapat bertukar-tukar idea dengan guru pemeriksa.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan murid dapat menggunakan rutin berfikir LFT untuk mengumpulkan dan menjana maklumat serta menyampaikan idea mereka dengan lebih yakin. Contoh respons murid seperti berikut:

**Jadual 1: Contoh Respons Murid (SA1 dan Prelim)**


Soalan 1: Ceritakan salah satu perbuatan baik yang kamu saksikan dalam klip video tadi.

### SA1

No	Murid	Respons
1	A	Ada budak lelaki memarahi kawannya yang tidak membuang sampah di tong sampah.
2	B	Budak itu menyuruh kawannya membuang sampah di tong sampah. Itu sesuatu yang baik.

### Prelim

No	Murid	Respons
1	A	Satu perbuatan baik yang dapat saya perhatikan dalam klip video ini ialah seorang budak lelaki menyuruh kawannya membuang sampah ke dalam tong sampah berdekatan dengan tempat duduknya. Budak lelaki itu menunjukkan sikap bertanggungjawab dengan kebersihan di sekelilingnya.
2	B	Ada seorang lelaki meletakkan semula bekas pinggan mangkuknya di tempat yang disediakan. Pada pendapat saya, perbuatan itu betul kerana dia membantu pembersih-pembersih di tempat itu.



Soalan 2: Ceritakan bagaimana kamu menjaga kebersihan selain daripada yang kamu lihat dalam klip video?

SA1

No	Murid	Respons
1	A	Saya akan membuang sampah kalau saya ternampak sampah di lantai. Saya akan menyapu rumah dan mencuci meja.
2	B	Kalau saya ternampak tisu, saya akan membuangnya di tong sampah. Saya juga akan membuang sampah saya di tong sampah. Saya boleh menolong emak saya mengemas rumah.

Prelim

No	Murid	Respons
1	A	Saya pernah membeli makanan di restoran McDonalds. Selepas makan, saya membuang sampahnya ke dalam tong sampah kerana saya rasa perlu ada sikap timbang rasa terhadap para pembersih McDonalds.
2	B	Saya boleh memberitahu kawan-kawan dan keluarga saya untuk menjaga kebersihan di rumah dan sekolah. Kita boleh menyertai aktiviti-aktiviti membersihkan kawasan di sekeliling tempat tinggal kita.

Soalan 3: Sarankan cara-cara menggalakkan orang ramai menjaga kebersihan awam.

SA1

No	Murid	Respons
1	A	Saya akan menyuruh ibu bapa saya untuk membuang sampah ke dalam tong sampah dan membersihkan rumah.
2	B	Saya akan menampal poster kebersihan dan menyuruh orang agar jangan buang sampah sembarangan.



Prelim



No	Murid	Respons
1	A	Kita boleh mengadakan ceramah tentang kebersihan dan menggalakkan kawan-kawan serta ibu bapa untuk membersihkan sekolah ataupun tempat-tempat yang memerlukan bantuan tambahan.
2	B	Kita boleh menyarankan agar lebih banyak tong sampah kitar semula diletakkan di tempat awam. Ini akan memudahkan orang ramai membuang sampah.

Dapatkan kertas SA1 dan Prelim bagi komponen respons peribadi dan pengembangan idea seperti yang berikut:

**Jadual 2: Keputusan SA1 dan Prelim bagi Respons Peribadi dan Pengembangan Idea**

	15M - 13M	9M - 12M	5M - 8M	1M - 4M
SA1	20	43	14	2
Prelim	24	43	12	0

**Rajah 1: Keputusan SA1 dan Prelim bagi Ujian Lisan bagi Respons Peribadi dan Pengembangan Idea**



Berdasarkan markah ujian SA1, murid-murid didapati menghadapi kesukaran berbincang dan menyuarakan pendapat mereka. Murid-murid turut tidak dapat memberikan respons dengan mendalam. Bahkan, mereka juga didapati tidak yakin semasa memberikan pandangan atau saranan tentang klip video yang mereka tonton. Perkara ini menjejas pencapaian murid-murid dalam peperiksaan lisan tersebut.

Berdasarkan pencapaian murid-murid bagi peperiksaan Prelim pula, mereka berupaya meraih markah yang lebih tinggi berbanding dengan ujian SA1. Pemeriksa lisan juga berpendapat bahawa murid-murid dapat menghuraikan isu-isu yang dibincangkan dengan lebih mendalam. Murid-murid dapat mengaitkannya dengan pengetahuan sedia ada selain memberikan pandangan dengan yakin. Penggunaan iPod untuk merakamkan respons mereka telah dapat membantu murid mengamati kesilapan dan meningkatkan mutu respons mereka bagi pelajaran yang seterusnya. Pada masa yang sama, murid dapat membuat refleksi dan berusaha untuk mengaplikasi pengetahuan yang diraih melalui rutin berfikir LFT dalam pelajaran seterusnya.

## KESIMPULAN

Murid didapati berupaya memberikan pendapat tentang topik berdasarkan klip video. Mereka dapat mengupas kandungan video dan melontarkan pandangan kritis.

Para guru beranggapan bahawa langkah-langkah rutin berfikir yang diajar mudah difahami. Murid-murid dapat memberikan maklum balas mereka. Mereka juga dapat mengemukakan soalan untuk mendapatkan penjelasan lanjutan. Soalan-soalan rangsangan yang bertahap mengikut kesukarannya tidak menjadi hambatan untuk dijawab. Malah, murid-murid menggunakan soalan-soalan tersebut sebagai pencetus idea-idea baharu. Proses pembelajaran ini banyak membantu murid-murid melahirkan pendapat dan mencerna idea secara berperingkat.

Namun demikian, proses pengajaran ini mungkin menerima hasil yang lebih baik sekiranya dijalankan lebih awal. Justeru, guru berpandangan bahawa penggunaan rutin berfikir ini harus diguna pakai secara intensif bagi mendapatkan kesan yang lebih besar.



Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Nur'Ain Yahya


## RUJUKAN

Khuraisah Mohd Abthar & Salamah Massa'id (2017). Penerapan rutin berfikir dalam membina penguasaan kosa kata murid. Dalam *Prosiding Bahasa Melayu: Menyempurnakan Kata, Menyampaikan Makna*, hlm. 312-321. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Nurhiza Mohamed dan Nurul Hidana Ahmad (2017). Penggunaan rutin berfikir dalam pengajaran golongan kata. Dalam *Prosiding Bahasa Melayu: Menyempurnakan Kata, Menyampaikan Makna*, hlm. 483-493. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Richard, R., Church, M., dan Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

Salmon, A. (2014). Promoting a culture of thinking in the young child. *Early Childhood Education Journal* , 35 (5), 457-461.



148

Seminar Bahasa Melayu 2018